

Ambil iktibar krisis sosial di negara maju

SETIAP suatu fenomena sosial mempunyai latar belakang dan struktur ekosistem masyarakatnya yang tersendiri.

Pakar Falsafah dan Pengajian Ketamadunan di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Prof. Dr. Zaid Ahmad berkata, ketidakupayaan berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dalam kerangka ekosistem yang dianggap ideal menyebabkan muncul golongan seperti hikikomori.

Menurutnya, konsep mengasingkan diri seperti hikikomori wujud dalam istilah

bertapa seperti diamalkan orang dahulukala namun matlamatnya adalah berbeza kerana si pertapa akan pulang sebagai wira yang melalui proses peningkatan personaliti.



ZAID

“Adalah penting membina satu jaringan sosial yang kukuh supaya tiada sesiapa yang tertinggal atau tersisih daripada arus perdana kerana konsep pembangunan sepatutnya perlu membentuk satu kehidupan yang memberi kesejahteraan kepada semua warganya.

“Lebih penting, kita mengambil iktibar perkara yang telah berlaku di negara maju dengan belajar dan

mengkaji kerana kita tidak mahu ia berlaku di negara kita,” ujarnya ketika dihubungi K2 baru-baru ini.

Pernah mengunjungi beberapa pusat penjagaan warga emas di Jepun, beliau berkongsi banyak kes isteri menghalau suami dari rumah pada usia emas atas sebab remeh seperti jemu melihat wajah pasangan setiap hari.

Justeru, beliau menegaskan, pendidikan sosialisasi sangat mustahak. Menerusinya, seseorang individu dapat membentuk kemahiran kemanusiaan antaranya berinteraksi dengan orang lain sekaligus memupuk sikap toleransi.

Ia bagi mengelak lahirnya individu

yang bersifat terlalu *self-centred* tanpa memikirkan keperluan dan kepentingan orang lain.

“Manusia tidak akan boleh mengubah dunia tetapi dia boleh mengubah dirinya. Pada masa sama juga perlu belajar menyeimbangkannya. Ada perkara yang kita suka berlaku, ada yang kita tidak suka akan berlaku juga.

“Namun, kita boleh mengawal diri dan cara bertindak serta pemikiran kita. Ini kemahiran yang perlu diterapkan. Anak-anak juga perlu diberi ruang dan peluang untuknya bersosial dan membesar dalam komuniti seperti berkawan, bermain dan sebagainya,” ulasnya.